

<p>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS PAMPASAN PEKERJA (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan <u>Insurans Pampasan Pekerja</u>. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terkandung di dalam polisi).</p>	<p>Rujukan Kami : 01/01/2010 Nama Penawar Khidmat Kewangan : Uni.Asia General Insurance Bhd. Nama Produk : Insurans Pampasan Pekerja Tarikh :</p>
--	--

1. Apakah produk ini?

Insurans Pampasan Pekerja ialah pelan insurans yang menawarkan perlindungan kepada Pihak yang Diinsuranskan terhadap jumlah pampasan yang harus dibayar terhadap mana-mana pekerja yang mengalami kecederaan diri atau penyakit yang dialami atau wujud semasa di dalam tempoh penggajian mereka.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Perlindungan yang ditawarkan oleh polisi ini adalah untuk pekerja-pekerja yang tergolong sebagai pekerja di bawah takrifan Akta Pampasan Pekerja 1952 (Akta 273).

Polisi ini menawarkan pampasan kepada semua kakitangan yang merupakan “pekerja” yang mati atau cedera berpunca daripada kemalangan atau jangkitan penyakit akibat pekerjaan yang dialami semasa di dalam tempoh penggajian mereka.

Tempoh masa perlindungan adalah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu dibayar?

Premium tahunan minimal ialah RM75.00 untuk setiap polisi.

4. Berapakah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Jumlah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen insurans	25 peratus daripada jumlah premium
Duti setem	RM10.00
Cukai perkhidmatan	5 peratus daripada jumlah premium

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- a) Semua notis atau komunikasi mesti diberikan kepada pihak kami secara bertulis.
- b) "Pekerja" adalah ditakrifkan sebagai mana-mana orang yang telah, samada sebelum atau selepas bermulanya Akta ini, memasuki atau bekerja di bawah kontrak perkhidmatan dengan pihak majikan, samada melibatkan pekerjaan manual atau sebaliknya, samaada kontrak dinyatakan atau tersirat atau lisan atau secara bertulis, samada remunerasi dikira mengikut waktu atau kerja yang telah siap atau pekerjaan yang dilakukan setiap hari, minggu, bulan atau tempoh yang lebih panjang.
- c) Pihak yang diinsuranskan mesti mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengelak sebarang kemalangan dan penyakit dan mesti mematuhi semua kewajipan undang-undang.
- d) Nama setiap pekerja dan gaji mereka mesti dicatat dengan baik. Jika jumlah gaji berbeza daripada jumlah yang ditetapkan di dalam Polisi, premium mesti diselaraskan pada akhir tempoh insurans.
- e) Perlindungan boleh dilanjutkan sekiranya seseorang pekerja memilih untuk menuntut pampasan di Mahkamah. Liabiliti maksimum yang ditanggung dibawah Undang-undang Umum oleh Syarikat Insurans adalah sebanyak RM1,000,000.00.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

- a) Pihak kami tidak bertanggungjawab terhadap liabiliti pihak yang diinsuranskan keatas pekerja kontraktor pihak yang diinsuranskan.
- b) Pihak kami tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang pampasan kepada mana-mana pekerja yang bukan “pekerja” dalam ertikata Undang-Undang.

- c) Pihak kami tidak akan membayar pihak yang diinsuranskan terhadap kerugian/ kerosakan, kecederaan akibat perang, pencerobohan, tindakan musuh asing.
- d) Pihak kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana jumlah diinsuranskan yang pihak diinsuranskan patut pulih dari mana-mana pihak disebabkan perjanjian antara pihak yang diinsuranskan dan pihak tersebut.
- e) Pekerjaan yang merbahaya - Pekerja letupan, Dandang Timbangan, Pembinaan Empangan, Pembinaan Kapal, dan lain-lain.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada tempoh insurans yang belum luput. Walau bagaimanapun, sebarang bayaran premium minimum yang dibayar bagi polisi tersebut tidak akan dibayar balik.

8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat-menyurat/maklumat peribadi saya?

Adalah penting anda memberitahu syarikat kami sekiranya terdapat perubahan pada maklumat peribadi anda. Ini untuk memastikan semua surat-menyurat dapat dihantar pada masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.uniasiageneral.com.my atau rujuk kepada pejabat cawangan kami.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Uni.Asia General Insurance Berhad
Tingkat 9, Menara Uni.Asia,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-888-990
Tel : 03-2693 8111
Faks : 03-2693 0111
www.uniasiageneral.com.my

10. Perlindungan Pampasan Pekerja lain yang boleh didapati:

Perlindungan Pampasan Pekerja lain yang boleh didapati adalah seperti berikut:

- Skim Pampasan Pekerja Asing.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac 2010.